

SKEMA PEMARKAHAN SEJARAH KERTAS 1 STPM 2010

Bahagian A

1. Jelaskan sistem pemerintahan republik yang diamalkan dalam Tamadun Rom (25 markah)

A. PENGENALAN (3 markah)

- Republik bermaksud negara yang ditadbir oleh wakil yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Negara yang mengamalkan cara pemerintahan republik diketuai oleh seorang presiden.
- Sebelum kelahiran sistem pemerintahan republik, Rom mengamalkan pemerintahan beraja yang dimulakan sejak 753 S.M dan diperintah secara mutlak oleh raja-raja Etruscan.
- Pemerintahan Republik bermula pada tahun 509 M apabila raja terakhir, Tarquin the Proud diusir apabila pemberontakan golongan bangsawan telah membawa kejayaan.
- Dalam bahasa Latin, res publica bermaksud hal rakyat, merupakan satu bentuk kerajaan yang diketuai oleh bukan seorang raja.
- Kerajaan Republik mempunyai tiga buah badan dan fungsinya yang tersendiri iaitu Konsul, Dewan Senat dan Dewan Perhimpunan.
- Latar belakang tamadun Rom

B. ISI-ISI (20 markah)

1. Konsul [7 markah]

- Merupakan pemerintah tertinggi dalam pemerintahan republik
- Dua orang konsul yang dipilih untuk memerintah berumur melebihi 40 tahun.
- Dua orang konsul dipilih supaya seorang boleh mengawasi yang lain agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa atau melakukan penyelewengan.
- Perkara-perkara yang perlu diputuskan perlulah secara bersama. Hal ini juga ini juga bagi mengelakkan berlakunya pemusatan kuasa.
- Dilantik oleh Dewan Senat dan mentadbir selama satu tahun. Sehingga abad yang ke-4 Masihi, jawatan konsul terhad kepada golongan bangsawan.
- Bidang kuasa ialah berkuasa dalam bidang pentadbiran, keadilan, ketenteraan, keagamaan dan kewangan. Turut berperanan sebagai ketua hakim, ketua angkatan tentera dan ketua eksekutif. Memilih dan melantik 300 ahli senat. Konsul juga berperanan menjaga kedaulatan dan menjaga kebajikan rakyat.

2. Dewan Senat [7 markah]

- Dewan Senat diwakili oleh 300 orang ahli yang dipilih daripada golongan bangsawan dan dikenali senator.
- Ahli-Ahli dewan Senat dipilih oleh Konsul
- Ahli Dewan Senat bertindak menasihati konsul dalam urusan pentadbiran negara.
- Dewan Senat berfungsi sebagai membincangkan hal pentadbiran negara, menggubal undang-undang untuk dibincangkan dalam Dewan Perhimpunan, mengadakan rundingan dengan duta-duta asing, menetapkan provinsi yang akan diuruskan oleh konsul, menguruskan hal ehwal kewangan, dan menyelesaikan krisis keagamaan .

2. Dewan Perhimpunan [6 markah]

- Diwakili oleh semua rakyat Rom. Dikenali sebagai forum iaitu tempat rakyat berkumpul dan mendapat laporan tentang perbincangan Dewan Senat.
- Merupakan tempat rakyat berkumpul untuk mendapat laporan tentang perbincangan dewan senat
- Dewan ini membantu Dewan Senat melaksanakan pemerintahan, meluluskan dan mengesahkan undang-undang yang telah diputuskan oleh Dewan Senat.
- Dewan ini turut berfungsi melantik konsul dan praetor. Turut bertindak sebagai Mahkamah Rayuan
- Merupakan Badan Perundangan utama sehingga 218M.

C. KESIMPULAN (2 markah)

- Pemerintahan Republik merupakan warisan kerajaan Rom kepada tamadun dunia. Pemerintahan ini dapat memperlihatkan keseimbangan kuasa antara 3 badan pemerintah iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman.
- Pemerintahan Republik merintis ke arah pemerintahan diktator pada zaman Julius Caesar apabila berjaya mengalahkan Jeneral Pompei lalu mengisytiharkan dirinya sebagai diktator.

2. Huraikan konsep negara kota. Bincangkan ciri-ciri negara kota Mesopotamia.

Pendahuluan [2 Markah]

Tamadun Mesopotamia diasaskan oleh orang Sumeria sekitar tahun 3500 SM hingga 2000 SM di lembah Sungai Tigris dan Euphrates (di negara Iraq sekarang). Orang Sumeria dipercayai berasal dari Dataran Tinggi Asia Tengah. Nama Mesopotamia diberi oleh orang Greek yang bermakna lembah antara dua sungai. Penduduk negara kota Mesopotamia mempunyai semangat patriotisme yang tinggi terhadap kota masing-masing. Mereka sering berperang untuk meluaskan wilayah dan kekuasaan masing-masing.

Isi

Konsep Negara Kota [5 Markah]

Negara kota berasal daripada perkataan Greek iaitu acropolis yang membawa erti sebidang tanah. Aristotle berpendapat bahawa negara kota muncul dan berkembang secara evolusi iaitu petempatan yang diasaskan oleh sesuatu keluarga berkembang menjadi kampung, bandar dan akhirnya negara kota. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa negara kota merupakan manifestasi awal kepada kemunculan sesebuah negara. Walaupun cuma sebuah kota, namun pemerintahan adalah berdaulat dan merdeka. Negara kota mempunyai raja, masyarakat, undang-undang dan sempadan politiknya yang tersendiri. Selain ini, negara kota dikelilingi tembok untuk melindungi kota daripada serangan musuh.

Ciri-ciri negara kota Mesopotamia [5 isi x 3markah]

1. Ciri-ciri fizikal

Pada Zaman Dinasti Awal terdapat 13 buah negara kota dalam Tamadun Mesopotamia. Negara kota yang terpenting dan sering mempengaruhi perkembangan politik Mesopotamia ialah Lagash, Ur, Uruk dan Eridu. Setiap negara kota mempunyai jumlah penduduk sehingga 30 000 orang dengan keluasan lebih kurang 1000 batu persegi. Ciri fizikal yang lain seperti mempunyai kubu pertahanan, jalan raya, pelabuhan dan pintu gebang yang menjadi lambang kekayaan sebuah kota.

2. Negara kota dinaungi oleh dewa atau tuhan

Menurut kepercayaan masyarakat Sumeria, dewa-dewa itu bukan sahaja menaungi tetapi juga menguasai dan memiliki kota-kota itu. Oleh itu setiap negara kota harus dilengkapi dengan rumah-rumah berhala besar untuk melindungi negara kota tersebut. Negara kota Nippur dilindungi oleh Tuhan Enlil, negara kota Lagash dilindungi oleh Tuhan Ningirsu dan negara kota Ur dilindungi oleh Tuhan Nanna (Tuhan Bulan)

3. Peranan rumah berhala

Setiap negara kota di Mesopotamia telah didominasi oleh rumah-rumah berhala dan istana. Di negara kota Nippur dan Uruk, rumah-rumah berhala diwarnakan cerah. Rumah-rumah berhala memiliki kawasan tanah dan padang rumput yang tersendiri. Tanah-tanah tersebut diusahakan oleh penduduk sesebuah negara kota. Para pendeta bertindak membantu raja menguruskan segala pengagihan hasil-hasil pertanian.

3. Negara kota bersifat teokrasi

Setiap negara kota Mesopotamia diketuai oleh Penaung Kota (*City God*). Mereka ialah makhluk ghaib yang dipercayai oleh penduduk Mesopotamia sebagai kuasa suci yang menjaga kota mereka. Di bawah Penaung Kota terdapat Ketua Pendeta. Kedudukannya sangat penting kerana masyarakat Mesopotamia mempunyai kepercayaan kuat terhadap dewa kota masing-masing. Pendeta merupakan orang yang akan berkomunikasi dengan dewa-dewa tersebut. Pendek kata pemerintahan negara kota Mesopotamia lebih bersifat teokrasi.

4. Organisasi pentadbiran

Pentadbiran negara kota diketuai oleh Ketua Paderi. Ketua Paderi dibantu oleh pesuruhjaya. Di bawah pesuruhjaya terdapat seorang ketua penyelia yang mengawasi pegawai-pegawai peringkat bawahan yang terdiri daripada jurutulis, penyelia-penyelia inspektor. Kelompok pekerja adalah lapisan yang paling bawah dalam struktur organisasi pentadbiran. Kota-kota mempunyai sistem birokrasi yang amat tersusun. Seluruh tenaga kerja didaftarkan dan dibahagi-bahagikan kepada beberapa jabatan atau badan. Contohnya, nelayan-nelayan dibahagikan kepada kumpulan yang berlainan mengikut tempat mereka menangkap ikan. Begitu juga artisan. Mereka juga memiliki organisasi yang tersendiri.

5. Kegiatan ekonomi

Kegiatan ekonomi utama negara kota ialah pertanian. Golongan petani meliputi 90% penduduk Mesopotamia. Mereka mendapat benih, peralatan, dan pakaian daripada bengkel-bengkel yang terletak di rumah-rumah berhala. Sebagai balasannya, mereka mengusahakan tanah. Tanah-tanah pertanian pula dimiliki oleh raja, golongan bangsawan dan pegawai tentera. Tanah-tanah yang dimiliki oleh rumah berhala dan istana disewakan kepada petani ataupun diusahakan oleh golongan serf. Tanah-tanah yang diusahakan terbahagi kepada tiga golongan iaitu tanah milik tuan tanah. Tanah ini diusahakan oleh semua penduduk untuk kepentingan rumah berhala. Tanah makanan pula hasilnya diagihkan kepada kakitangan rumah berhala. Tanah yang disewakan. Tanah jenis ini disewakan oleh rumah berhala dan hasil cukai digunakan oleh kakitangan rumah berhala atau diagihkan kepada rakyat. Golongan pedagang pula memperdagangkan tanaman, arak, minyak serta buah kurma dan kaintekstil yang diperoleh daripada rumah berhala.

Kesimpulan[2 markah]

Kemunculan negara kota melambangkan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Mesopotamia dalam bidang politik, sosial dan ekonomi. Perkembangan ini menyebabkan lahir kehidupan yang sistematik dan terancang serta meletakkan asas bagi peningkatan tamadun.

3. Jelaskan konsep ketahanan dan pertahanan. Huraikan organisasi ketenteraan yang terdapat dalam Tamadun Yunani.

Pengenalan [3 Markah]

Tamadun Yunani bermula di Semenanjung Greece dan pulau-pulau di sekitarnya yang dikelilingi Laut Aegean dan Laut Mediterranean. Sekitar tahun 1000 – 800 S.M., telah muncul banyak negara kota di dalam Tamadun Yunani. Negara kota yang paling menonjol adalah Athens, Sparta dan Corinth. Penduduk di setiap negara kota Tamadun Yunani hidup bersatu padu namun begitu peperangan antara negara kota sering berlaku. Terdapat juga peperangan yang melibatkan negara kota Yunani dengan kuasa-kuasa asing seperti peperangan yang berlaku antara Yunani dengan Parsi dalam Perang Peloponnesus. Peperangan telah menjadi elemen penting dalam Tamadun Yunani yang sering menghadapi ancaman dan pencerobohan.

Konsep [5 Markah]

Ketahanan merujuk kepada keupayaan dan kebolehan serta kekuatan menanggung sesuatu kesukaran atau penderitaan. Ketahanan seseorang dilihat dari sudut mental dan fizikal kerana kedua-dua unsur ini yang menjamin seseorang itu mempunyai ketahanan. Ketahanan ini menjadikan manusia kuat, berani, tahan lasak, tabah, cekal serta sabar apabila menghadapi kesukaran. Ketahanan juga menjadi unsur penting untuk menghadapi segala ancaman dan tentangan dengan berani dan rasional serta membela sesuatu contohnya kubu atau benteng daripada serangan dan ancaman musuh demi mempertahankan negara.

Manakala pertahanan merupakan langkah-langkah serta tindakan yang diambil untuk menjamin keselamatan serta kepentingan. Pertahanan meliputi aspek ketenteraan seperti melatih anggota tentera, kelengkapan senjata, membina kubu pertahanan dan sebagainya.

Isi-isi [5 isi X 3 markah]

1. Penggunaan kereta kuda

Kaedah peperangan pada zaman awal Yunani ialah penggunaan kereta kuda. Penunggang akan melemparkan lembing ke arah lawan dan andai kata lembing yang dilontar ke arah musuh tidak kena pada sasarannya, pahlawan akan turun dari kereta kuda meneruskan peperangannya dengan berjalan kaki dan memegang lembing.

2. Penggunaan Phalanx

Selepas tahun 700 SM, tentera Yunani telah memperkenalkan formasi phalanx. Tunjang kekuatan tentera Yunani adalah pasukan hoplite (tentera berjalan kaki berlembing, bertopi dan berbaju besi) yang disusun dalam formasi phalanx. Melalui formasi phalanx ini, tentera hoplite dengan lembing sepanjang hampir 3 meter akan berbaris rapat-rapat dalam satu barisan sehingga lembing-lembing panjang mereka membentuk seperti duri landak. Biasanya mereka menggunakan lapan hingga sepuluh lapis barisan phalanx. Pihak musuh akan berfikir dahulu sebelum merempuh phalanx yang dilindungi oleh lembing-lembing tajam itu.

3. Tentera elit dan bawahan

Tentera Yunani yang bergabung dalam formasi phalanx adalah tentera-tentera elit yang terlatih dan berdisiplin tinggi serta dilengkapi pakaian perang yang lengkap. Terdapat juga kumpulan lain yang berpakaian mudah, tidak dilengkapi dengan senjata yang baik. Mereka ini dipanggil psiloi (golongan miskin).

4. **Taktik berperang**

Selari dengan pembentukan phalanx, strategi peperangan orang Yunani adalah bertempur secara bersemuka (berdepan). Pasukan phalanx akan merempuh bahagian tengah musuh manakala pasukan sayap akan melakukan pemusnahan yang seterusnya apabila barisan musuh telah menjadi kucar-kacir. Dalam lain perkataan, sekiranya bahagian phalanx gagal, maka lemahlah seluruh pasukan tentera.

5. **Latihan tentera Sparta**

Sistem politik dan kemasyarakatan Sparta adalah lebih berorientasikan ketenteraan. Golongan peer diwajibkan mengikuti latihan ketenteraan kerana mereka sering menghadapi pemberontakan dari golongan helot. Hanya bayi golongan peer yang sihat sahaja dibenarkan hidup. Ibunya memelihara anaknya selama 7 tahun dan selepas itu kerajaan mengambilnya untuk diberi latihan ketenteraan. Setiap lelaki harus berkorban untuk negaranya. Anak perempuan diberi latihan gimnastik dan ditanamkan dengan fahaman bahawa mereka mesti berkhidmat untuk negara dengan menjadi isteri yang setia.

6. **Organisasi tentera Graeco-Roman**

Raja Philip II dari Makedonia telah mengubah suai struktur tentera phalanx. Jumlah anggota tentera dalam barisan phalanx telah ditambah menjadi 16 orang manakala panjang lembing ditambah menjadi 4 meter. Peralatan tentera Yunani yang ringan diubah menjadi berat. Ketahanan tambahan dititikberatkan pada baju besi yang dipakai oleh askarnya. Latihan-latihan khusus telah disediakan supaya tentera Makedonia mampu memikul beban tambahan tanpa menjejaskan kecekapan gerakan (mobiliti).

Kesimpulan [2 Markah]

Organisasi ketenteraan Tamadun Yunani disusun dan ditadbir dengan sangat sistematik. Kewujudan organisasi tentera yang mantap dapat dikesan daripada askar-askar yang terlatih dan berdisiplin, taktik dan strategi peperangan yang berkesan serta peralatan perang yang canggih. Perkembangan ini mendorong kepada kelangsungan Tamadun Yunani dalam tempoh yang panjang serta tamadun yang kuat di Eropah.

4. Sejauhmanakah faktor perlindungan diberikan oleh Negara China yang membolehkan Melaka muncul sebagai pelabuhan perdagangan pada abad ke-15

Pendahuluan

Pada abad ke-15, Melaka mengambil alih peranan Srivijaya sebagai pusat perdagangan antarabangsa di Asia Tenggara. Melaka telah meneruskan tradisi perdagangan masyarakat pribuminya yang telah berjalan sejak zaman Kerajaan Melayu Langkasuka dan Srivijaya iaitu dari abad ke-7 M hingga abad ke-13 M. Menurut Tom Pires, Melaka pernah disinggahi oleh 100 buah kapal besar dan 30 hingga 40 buah kapal kecil pada penghujung abad ke-16. Pelabuhan Melaka sangat besat sehingga boleh menampung sebanyak 2000 buah kapal sehari. Malahan lebih daripada 84 jenis bahasa dipertuturkan di pelabuhan Melaka menunjukkan betapa sibuk dan pesatnya pelabuhan tersebut.

Isi [7 isi x 3 markah]

1. Perlindungan China

Melaka mendapat perlindungan rasmi pada 1405 M selepas Maharaja Yung-lo mengiktiraf Parameswara sebagai Raja Melaka. Perlindungan China membolehkan Melaka berkembang pada tahap awal tanpa berhadapan dengan ancaman dari Siam dan Majapahit. Perlindungan ini menyebabkan lebih ramai saudagar Cina mengunjungi pelabuhan Melaka.

2. Sistem pentadbiran yang teratur

Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Sultan, Pembesar 4, Pembesar 8, Pembesar 16 dan Pembesar 32. Hukum Kanun Melaka digubal semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah berkaitan dengan pantang larang, hak istimewa raja, tanggungjawab raja, pembesar dan penduduk. Manakala Undang-undang Laut Melaka berkaitan peraturan-peraturan jual beli atas kapal, peraturan pelayanan, bidang kuasa nakhoda dan tanggungjawab pegawai-pegawai kapal. Dari segi pentadbiran pula, Raja dibantu oleh para pembesar dalam melicinkan pentadbiran. Antaranya bendahara, temenggung laksamana dan syahbandar. Terdapat empat syahbandar yang bertugas memenuhi keperluan setiap komuniti pedagang. Syahbandar bertanggungjawab menentukan kapal yang akan berlabuh, penggunaan gudang dan menguruskan pertemuan antara pedagang dan raja.

3. Kestabilan politik

Pemerintahannya mengambil sikap berdamai dengan Siam. Ufti tahunan sebanyak 40 tahlil emas dibayar kepada Siam. Pedagang dilindungi daripada ancaman lanun dengan penubuhan pasukan orang laut. Hubungan dengan kerajaan lain dijalinan untuk mengembangkan perdagangan dan mengeratkan persahabatan. Kerajaan Melaka juga menjalankan dasar penaklukan dan ini membolehkannya menguasai kawasan Tanah Melayu sehingga ke pinggir laut Sumatera.

4. Jaminan Keselamatan

Kerajaan Melaka membina gudang-gudang di bawah tanah dengan tujuan memudahkan para pedagang menyimpan barangan mereka. Gudang-gudang pula dikelilingi oleh pagar kayu dengan pintu-pintu berkunci ini dapat memberi perlindungan daripada kebakaran, kerosakan dan

kecurian. Selain dikawal rapi, para pengawal turut bertindak dengan membunyikan loceng sekiranya berlaku sebarangnoerkara yang tidak diingini seperti kekecohan dan kebakaran.

5. Pemelukkan agama Islam

Pemelukkan agama Islam oleh raja-raja Melaka menggalakkan pedagang Islam berdagang di Melaka. Pengislaman Parameswara menyebabkan ramai saudagar Islam berpindah ke Melaka dari Sumatera Utara. Nilai perdagangan meningkat kerana saudagar Islam ialah pedagang utama di Alam Melayu.

6. Kepimpinan Tun Perak

Bendahara Melaka (1456-1498) bertanggungjawab bagi perluasan kuasa Melaka. Melaka memperluaskan empauarnya ke Tanah Melayu dan Sumatera.

7. Kedudukan geografi yang strategik

Terletak dipertengahan jalan perdagangan antara China ndan India. Pelabuhan persinggahan bagi pedagang Cina dan India di samping terlindung dari tiupan angin monson dari pulau Sumatera. Bentuk muka bumi yang berbukit-bukau membolehkan Melaka menjadi kubu pertahanan yang baik. Bukit yang terdapat di Melaka menjadi panduan untuk kapal perdagangan keluar masuk dari perairan Selat Melaka dan merupakan antara yang terselamat di Alam Melayu.

8. Penggunaan mata wang dan ukuran timbangan

Antara mata wang yang digunakan di pelabuhan Melaka adalah logam emas, perak dan timah dalam pelbagai bentuk. Mata wang syiling daripada logam pernah digunakan buat pertama kalinya semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Di atas permukaan mata wang ini terdapat nama Sultan Melaka yang memerintah. Selain itu kepingan wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay turut digunakan di Melaka. Sistem timbangan diukur dengan unit kati yang bersamaan dengan 20 tahir. Antara unit ukuran pada waktu itu ialah kati, tahlil, emas, pau dan dram. Ukuran bahara digunakan untuk menimbang rempah, lada, bunga, cengkik dan jagung. Ukuran kati pula digunakan untuk menimbang emas, perak, bahan wangian, kapur, kelembak dan permata. Alat timbang yang digunakan adalah dacing.

Kesimpulan

Perlindungan China hanya satu faktor membantu kemajuan perdagang Melaka.

Terdapat banyak faktor lain yang telah membantu kepesatan perdagangan Melaka.

5. Bincangkan dasar dan kurikulum yang diamalkan dalam Tamadun China

Pendahuluan [3 Markah]

Dari segi bahasa, perkataan *education* (pendidikan) berasal daripada perkataan Latin iaitu *educare* yang membawa makna mengasuh, memelihara serta membimbing. Para sarjana pula melihat maksud pendidikan daripada pelbagai sudut. Socrates mendefinisikan pendidikan sebagai satu usaha merangsang pemikiran yang rasional dan mendisiplinkan mental untuk meningkatkan pengetahuan dan kebenaran. Syed Naquib al-Attas pula berpendapat pendidikan bertujuan bukan sekadar memupuk individu atau pun warganegara yang sempurna tetapi menjelmakan *insan yang sempurna*. Ringkasnya pendidikan merupakan kegiatan yang dijalankan secara terancang dan sistematik terhadap perkembangan jasmani dan rohani untuk melengkapkan seseorang individu dalam menjalani kehidupan yang sempurna.

Isi [2 Isi x 10 Markah= 20 markah]

1. Dasar [10 Markah]

Secara umumnya, matlamat utama sistem pendidikan di China adalah untuk **melahirkan golongan birokrasi** dengan tujuan mengukuhkan kerajaan dan mewujudkan keamanan. Dari kaca mata rakyat pula matlamat pendidikan adalah untuk membolehkan **golongan remaja memasuki peperiksaan awam**. Lantaran itu ibu bapa China lebih gemar anak-anak mereka mengikuti kurikulum yang bercorak akademik dan apabila lulus peperiksaan awam mereka boleh bekerja sebagai pegawai kerajaan. Status mereka yang lulus dalam peperiksaan juga akan meningkat. Peperiksaan ini dijalankan di bawah kawalan yang amat ketat dan jika berlaku penipuan, hukumannya ialah hukuman mati

Pada zaman Dinasti Chin, dasar pendidikan yang diamalkan **berasaskan kehendak dan hasrat pemerintahnya yang mahu mewujudkan sebuah negara yang kuat**. Zaman ini memperlihatkan **kebangkitan falsafah legalisme** yang menekankan keutamaan kepada pentadbiran kerajaan pusat yang kuat. Maharaja Shih Hung Ti telah mengharamkan ajaran-ajaran falsafah lain dan mengarahkan buku-buku tersebut dibakar. Ahli falsafah selain daripada fahaman legalisme juga dibunuh.

Pada zaman Dinasti Han sistem pendidikan di China berperanan untuk **meningkatkan nilai-nilai moral** seperti yang ditegaskan oleh **Confucius**. Menurut Confucius, seseorang pemimpin harus mempunyai personality yang bermoral, menjalankan tugas dengan adil, mementingkan kebajikan rakyat dan mentadbir negara dengan baik. Oleh itu, teks-teks klasik Confucius seperti *Analekta* dan *Lun Yu* yang diharamkan pada zaman Dinasti Chin, diajarkan kembali dan menjadi asas dasar pelajaran

Pada zaman Dinasti Ming, wujud **kesedaran mempelajari bahasa asing**. Pihak kerajaan telah mewujudkan jawatan "**Tong Shi**" atau jabatan jurubahasa untuk mengendalikan hal-hal hubungan luar negeri. Dasar ini telah menyebabkan ramai perwakilan asing melawat kerajaan China

2. Kurikulum [10 Markah]

Secara amnya kurikulum pendidikan China terbahagi kepada kurikulum **rendah, menengah dan tinggi**. Pada peringkat **kurikulum rendah**, murid-murid akan belajar huruf-huruf penting dalam bahasa dan menghafal sembilan buah buku suci. Huruf-huruf ini dikenali sebagai ideogram. Sistem tulisan ini adalah dalam bentuk gambar yang melambangkan objek atau symbol-simbol yang mewakili idea konsep. Terdapat lebih 3000 simbol pada zaman Dinasti Shang dan jumlah itu meningkat kepada 30 000.

Di **peringkat Menengah** para pelajar dilatih membuat karangan, mengkaji kesusasteraan esei. Di sekolah tinggi pula mereka akan menterjemahkan buku-buku suci ke dalam bahasa Cina moden. Mereka juga perlu mahir menjelaskan kandungan buku-buku suci yang dipelajari. Sekiranya seseorang itu berjaya hingga ke tahap ini, barulah dia layak untuk menduduki peperiksaan awam.

Selepas tamat pendidikan menengah dan tinggi, pelajar akan menduduki peperiksaan awam kerajaan yang melayakkan mereka mendapat ijazah.

Terdapat tiga **tahap ijazah** iaitu ijazah pertama, ijazah kedua dan ijazah ketiga. Pada peringkat ijazah pertama calon peperiksaan akan menjawab dua esei prosa (esei moden), satu puisi dan beberapa tema buku suci. Peperiksaan ini memakan masa selama sehari semalam dan diambil di daerahnya. Ijazah kedua pula, calon diuji lima atau enam esei dan, lima soalan berkaitan dengan sejarah dan ekonomi negara (peperiksaan di ibu kota provinsi). Peperiksaan ini memakan masa selama sembilan hari.

Peperiksaan **ijazah ketiga (Doktor falsafah)** berjalan selama 13 hari di ibu kota empayar dengan kehadiran oleh Maharaja China. Mereka yang lulus peperiksaan ijazah ketiga dikenali sebagai Chin-Shih. Tiga orang daripada kalangan Chin-Shih akan dilantik sebagai Chuang Yuan iaitu tiga ahli akademik terkemuka Empayar China. Lulusan Chin-Shih juga layak menduduki peperiksaan terakhir untuk menjadi ahli seumur hidup dalam organisasi intelek yang dikenali sebagai *Imperial Academy* (Han-lin Yuan). Sebuah badan penasihat yang terdiri daripada para lulusan Chin-Shih juga dibentuk.

Kesimpulan [2 Markah]

Pendidikan rasmi di China berkembagn melalui dikri yang ditentukan oleh orientasi kebudayaan China yang bersifat humanistik, sekular dan rasional. Tumpuan utama pendidikan adalah untuk memajukan sensiviti moral dan tanggungjawab kepada rakyat dan negara.

6. Huraikan sumbangan I-Ching (635-713M) dan Cheng Ho (1371-1434) dalam bidang pelayaran.

Pendahuluan [3 Markah]

Masyarakat China merupakan antara masyarakat terawal melibatkan diri dalam aktiviti penerokaan dan penjelajahan. Tamadun China melahirkan tokoh-tokoh pelayar yang telah memberi sumbangan besar dalam bidang penjelajahan dan penerokaan.

Antara tokoh-tokoh pelayaran China yang terkenal ialah I-Ching, Cheng Ho, Fa Hsien dan Hsuang Tsang. Mereka memberi sumbangan dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan agama.

Isi-isi

A. I-Ching [10 Markah]

Latar belakang.

Seorang rahib Buddha yang dilahirkan pada tahun 635 M di Fan Yang berhampiran Peking. Beliau menerima pendidikan daripada dua orang guru terkenal, iaitu San-Yu dan Hsui-Hsi dan berminat mengembara ke India sejak kecil lagi untuk mendalami ilmu agama Buddha.

Sumbangan

1. **Pengembaraan.** Beliau memulakan pengembaraan ke India dengan menaiki sebuah kapal Parsi pada tahun 671M. Dalam perjalanan beliau singgah di Fo-Shih (Srivijaya), Mo-Lo-Yeu (Melayu), Ka-Cha (Kedah) dan Lo-Jeng-Kuo. Beliau mendarat di Tamralipti yang terletak di pantai timur India pada tahun 673M. Selepas menuntut ilmu di Nalanda, beliau kembali ke China pada tahun 605M. Beliau singgah di Srivijaya dan menetap selama empat tahun
1. **Melawat tempat-tempat suci.** Beliau melawat Wihara Waicali, Kusinagara, Benares, Gaya, Nalanda dan Taman Mrigadawa untuk menambahkan pengalaman dan pengetahuan tentang ajaran agama Buddha.
3. **Mempelajari bahasa Sanskrit dan agama Buddha.** Mempelajari nahu bahasa Sanskrit selama setahun di Tan Mo Lo Ti daripada seorang pendeta bernama Tan-Cheng-Teng. Seterusnya mendalami ilmu agama Buddha di Nalanda selama 10 tahun. Beliau singgah di Srivijaya yang merupakan pusat pengajian agama Buddha yang terkenal. Menurut I-Ching, terdapat lebih kurang 1000 sami Buddha di Srivijaya yang mempelajari ilmu dan ajaran Buddha. Beliau berusaha memahami bahasa Sanskrit supaya dapat menterjemahkan kitab-kitab Buddha dalam bahasa China.
2. **Menulis catatan sejarah.** Menulis catatan tentang Srivijaya, kerajaan Kedah Tua dan Jambi. Beliau merekodkan pengalamannya dalam dua buah kitab, iaitu Nan Hai Chi Kuei tentang sejarah Srivijaya dan tempat-tempat lain yang dilawati oleh I-Ching.
5. **Mengumpul dan menterjemah kitab-kitab Buddha.** Beliau mengumpulkan 4000 naskhah kitab suci agama Buddha yang mengandungi 500,000 sloka Tripitaka dan menterjemahkan 56 buah kitab suci Buddha. Buku-buku tersebut diterbitkan dalam 230 jilid.

B. Cheng Ho [10 Markah]

Latarbelakang

Tokoh pelayar China yang terkenal pada zaman Ming. Beliau dilahirkan dalam keluarga pelayar terkemuka. Ayah dan datuk Cheng Ho pernah belayar ke Makkah untuk menunaikan ibadat haji. Beliau merupakan seorang pelayar beragama Islam yang berasal dari wilayah Yunan. Beliau pernah memegang jawatan pegawai tinggi kerajaan dan berkhidmat semasa pemerintahan Maharaja Yung Lo.

1. **Matlamat ekspedisi.** Matlamat utama ekspedisi Cheng Ho ialah meluaskan hubungan perdagangan dengan kerajaan-kerajaan Asia, menonjolkan kuasa dan pengaruh China ke seluruh pelusuk dunia, mengumpul cukai, mengasaskan koloni wilayah naungan, mengumpulkan maklumat tentang wilayah asing dan mendapat bantuan bagi mengatasi serangan Mongol.
2. **Memimpin ekspedisi.** Memimpin tujuh ekspedisi penjelajahan dan penerokaan dan mengetuai ekspedisi pelayaran terbesar pada tahun 1414 melibatkan 63 buah kapal besar dan 100 kapal kecil sebagai pengiring ke Asia Tenggara.
3. **Merancang ekspedisi.** Merancang dan membangunkan hubungan perdagangan antara China dengan Barat melalui jalan laut, serta ekspedisi ke kawasan seperti kepulauan Melayu, India, Sri Lanka, Teluk Parsi, Aden dan Pantai Timur Afrika.
4. **Mengiringi utusan.** Menyertai ekspedisi membawa utusan khas daripada Maharaja China ke negara-negara yang dilawati. Beliau diutus oleh Maharaja Yung Lo untuk mengiringi utusan asing yang kembali ke negara asal, iaitu benua Afrika.
5. **Destinasi ekspedisi.** Pada tahun 1405M, beliau memimpin ekspedisi ke Asia Tenggara khususnya Sumatera, Jawa, Thailand, Tanah Melayu dan Borneo. Melawat Melaka pada tahun 1409 dan 1411, dan menyampaikan hadiah berupa cap mohor, persalinan, payung kuning dan kain sutera kepada sultan Melaka, iaitu Parameswara.
6. Pernah belayar ke India, Sri Lanka, Kepulauan Maldives, Teluk Parsi, Tanah Arab dan pantai timur Afrika. Beliau pernah ke Jedah, Hormuz dan pantai Somalia untuk menjual barang-barang seperti tembikar dan sutera serta membeli barang-barang seperti gading gajah dan tanduk badak dari pedagang-pedagang Arab.

Kesimpulan [2 Markah]

I-Ching dan Cheng Ho merupakan ahli pelayaran China yang memberi sumbangan besar dalam bidang pelayaran. I-Ching memberi sumbangan dalam bidang sejarah khususnya mencatatkan rekod-rekod sejarah tentang kawasan yang dilawati. Beliau turut menterjemahkan kitab-kitab suci agama Buddha dan menyebarkan agama Buddha di China. Laksamana Cheng Ho pula memainkan peranan dalam menjadikan China sebagai kuasa kelautan yang unggul pada abad ke-15M.

7. Bincangkan perkembangan ciri-ciri kehidupan masyarakat pada zaman prasejarah awal.

Pendahuluan [3 Markah]

Zaman prasejarah merujuk kepada zaman sebelum penciptaan sistem tulisan. Pada zaman ini juga tidak terdapat rekod-rekod bertulis. Maklumat tentang zaman prasejarah diperoleh daripada kajian terhadap artifak dan fosil yang dilakukan oleh ahli-ahli arkeologi. Zaman prasejarah bermula 500,000 tahun dahulu dan berlanjutan sehingga 5,000 SM. Zaman prasejarah terdiri daripada prasejarah awal dan prasejarah akhir.

Isi-isi

A. Ciri-ciri Kehidupan Paleolitik Awal [10 Markah]

1. Kegiatan ekonomi pada zaman ini ialah **memburu binatang, menangkap ikan dan mengumpul hasil hutan seperti buah-buahan**. Masyarakat pada zaman ini **tidak tahu menternak binatang dan bercucuk tanam**.
2. Manusia pada zaman ini hidup **berpindah randah (nomad)**, mereka berlindung di dalam gua, ada juga di kalangan mereka yang berlindung di bawah ranting kayu yang ditutup dengan rumput dan yang berlindung dalam lubang di bawah tanah yang digali oleh mereka.
3. Teknologi peralatan. Manusia pada zaman ini mempunyai kemahiran membuat pelbagai jenis alat batu seperti Fist Hatchet (kapak genggam) yang digunakan untuk pelbagai tujuan dan berfungsi sebagai gergaji, pisau dan kapak. Alat-alat batu yang digunakan kasar dari segi pembuatannya. Hanya satu bahagian alat batu tersebut ditajamkan untuk tujuan memotong. Alat batu juga digunakan untuk memburu, mengumpul hasil hutan, senjata atau barang perhiasan. Pada akhir zaman Paleolitik awal, kaedah merepik alat batu digunakan untuk menghasilkan alat seperti anak panah, pisau dan scraper.
4. Kemajuan intelektual. Manusia pada zaman ini (Pithecanthropus dan generasinya) mempunyai kemampuan bertutur dan berkomunikasi. Ini membolehkan mereka berinteraksi dengan kumpulan mereka seterusnya menurunkan ilmu yang telah dipelajari secara turun-temurun.
5. Kerohanian. Kemajuan dalam aspek kerohanian jelas ketara daripada amalan ritual yang dijalankan semasa upacara pengebumian. Penemuan barang-barang pengebumian menunjukkan wujud upacara pengebumian dan kepercayaan selepas mati.

B. Ciri-ciri Kehidupan Paleolitik Akhir [10 Markah]

1. Kegiatan ekonomi. Mereka memburu binatang dalam kumpulan dan hasil buruan dikongsi bersama. Mereka juga terlibat dalam aktiviti menangkap ikan dan mengumpul hasil hutan.
2. Kehidupan sosial. Mereka tinggal di dalam gua, dalam kelompok kecil dan mempunyai struktur sosial yang teratur.
3. Teknologi peralatan. Alat-alat batu yang digunakan terdiri daripada pelbagai jenis dan mutu buaatannya lebih baik. Mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pembuatan alat-alat batu yang dibuat daripada tulang, tanduk dan gading gajah. Gigi binatang dan cangkerang digunakan sebagai barang perhiasan seperti subang dan rantai. Mereka mempunyai kemahiran membuat pakaian daripada kulit binatang. Terdapat juga alat lain yang rumit seperti kail ikan, tempuling, lembing, anak panah dan jarum yang diperbuat daripada tulang.
4. Kemajuan intelektual. Manusia Cro Magnon mempunyai kemahiran dalam mengira. Mereka menyimpan rekod-rekod matematik contohnya penemuan rantai yang diperbuat daripada gigi rusa yang disusun secara horizontal dengan alat yang tajam merupakan rekod mengenai jumlah binatang yang dibunuh semasa pemburuan.
5. Kerohanian. Mereka percaya kepada kuasa-kuasa ghaib. Pelbagai jenis upacara ritual diamalkan semasa menjalankan pengebumian. Antara lain mereka memberikan penghormatan kepada si

mati dengan melukis dan mewarnakan mayat, meletakkan kedua-dua tangan di atas dada dan menyertakan barang-barang pengebumian seperti subang, rantai dan senjata.

6. Kesenian. Berlaku kemajuan dalam bidang kesenian seperti ukiran, lukisan dan mural. Lukisan dan mural yang dihasilkan terdiri daripada gambar-gambar binatang seperti rusa, bison dan gajah. Kesenian merupakan ilmu magik yang bertujuan menambahkan hasil perburuan. Kemajuan dalam aspek kesenian telah menyebabkan lahir golongan artis dan tukang-tukang kraf yang mahir.

Kesimpulan [2 Markah]

Masyarakat pada zaman ini mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan. Antaranya dalam aspek ekonomi, social, intelektual, teknologi peralatan, kerohanian dan kesenian. Perubahan berlaku secara berperingkat-peringkat dan merintis jalan ke arah kemunculan zaman Neolitik. Zaman Neolitik meletakkan asas kemunculan masyarakat bertamadun di Mesopotamia, Mesir Purba, Lembah Indus dan Lembah Sungai Hwang Ho.

8. Bandingkan konsep ketahanan dan pertahanan menurut perspektif Islam dan konsep ketahanan dan pertahanan Barat.

Pengenalan [3 markah]

Tamadun Islam muncul sebaik sahaja Nabi Muhammad SAW menerima wahyu pada tahun 610 Masihi di Gua Hira, Makkah. Selepas itu baginda mula berdakwah agar agama Allah SWT diterima oleh umat manusia. Sementara tamadun Barat atau Tamadun Eropah dikatakan bermula apabila muncul negara kota Yunani dan berhenti seketika apabila Eropah mengalami zaman Gelap. Kemudian bangkit semula apabila bermulanya era zaman kemuncak Pertengahan di Eropah Barat. Munculnya ketahanan dan pertahanan dalam sesebuah tamadun bermula apabila berlakunya peperangan dan konflik sesama manusia sepertimana yang berlaku dalam tamadun Islam dalam konflik sejak Nabi Adam yang melibatkan anak-anaknya Qabil dan Habil. Namun dalam konteks konsep Pertahanan dan Ketahanan Islam dan Barat masing-masing mempunyai ideologi sendiri dalam mempertahankan tamadun masing-masing.

Isi/Fakta/Huraian [4 isi x 5 markah= 20 markah]

1. Konsep Ketahanan mengikut Perspektif Islam dan Barat

Ketahanan dan pertahanan mengikut konsep Islam adalah kemampuan atau keupayaan mempertahankan diri atau negara daripada ancaman musuh. Ketahanan pula dimaksudkan sebagai kekuatan fizikal, spiritual khususnya aqidah Islam atau dengan kata lain umat Islam akan mempertahankan sesuatu kerana Allah serta berpandukan hukum-hukum Allah SWT atau hukum syarak. Sementara ketahanan dan pertahanan dalam tamadun Barat hanyalah merujuk kepada kekuatan fizikal semata-mata seperti kemantapan fizikal anggota tentera, jumlah tentera yang besar dan pelbagai jenis serta mempunyai pelbagai kelengkapan persenjataan. Rangsangan utama untuk mendapat dan mencapai kemenangan dalam sesuatu peperangan ialah sokongan moral dan material daripada pemimpin tertinggi mereka.

2. Konsep Pertahanan Islam dan Barat

Pertahanan dalam Islam merujuk kepada langkah-langkah untuk melaksanakan dasar-dasar ketahanan bagi memastikan kesucian agama, keutuhan negara dan masyarakat terjamin. Dalam konteks ini konsep pertahanan Islam merangkumi aspek melindungi golongan yang dizalimi atau difitnah. Islam juga menetapkan adalah menjadi kewajiban atau tanggungjawab bagi setiap umat Islam agar mempertahankan negara Islam jika sekiranya diancam oleh musuh-musuh Islam. Manakala bagi tamadun Barat pula, pertahanan merujuk kepada perihal mempertahankan diri, negara dan masyarakat dari ancaman musuh. Tamadun Barat lebih menekankan bahawa setiap individu terikat dengan arahan ketua atau pemimpin untuk mempertahankan negara dari ancaman musuh manakala dalam tamadun Islam untuk menangkis atau menghadapi musuh ianya lebih mementingkan kepada kepatuhan terhadap landas-landas hukum agama yang telah disyariatkan.

3. Etika atau Tatacara perang

Dalam melaksanakan sistem ketahanan dan pertahanan, tentera Islam dipandu oleh tatacara atau etika peperangan. Etika yang dianjurkan oleh Islam merangkumi sebelum, semasa dan selepas peperangan. Etika ini harus dipatuhi kerana konsep ketahanan dan pertahanan dalam Islam adalah untuk menarik minat pihak musuh dengan agama Islam. Sementara dalam Tamadun Barat tidak terdapat suatu etika atau tatacara yang khusus kecuali tunduk dan akur dengan arahan pemimpin di medan perang. Setiap anggota mesti meneruskan perang selagi tidak ada kata putus daripada pemimpin. Sebagai contoh dalam tamadun Rom adalah menjadi tanggungjawab tentera membunuh musuh dan memusnahkan segala harta yang dimiliki oleh musuh mereka. Berlainan dalam tamadun Islam, anggota yang terlibat dalam perang tidak boleh membunuh musuh yang tidak bersenjata, orang tua, kanak-kanak, merosakkan rumah ibadat dan juga tumbuh-tumbuhan.

4. Matlamat Peperangan

Tamadun Islam mengaitkannya dengan istilah Jihad iaitu peperangan hanya akan berlaku jika sekkiranya umat atau agama Islam diperangi terlebih dahulu. Peperangan dalam Islam diizinkan oleh Syarak apabila kesucian agama Islam dicabuli oleh musuh, negara diancam, tersebar fitnah, maruah dicemar dan terganggunya perjalanan dakwah. Sebaliknya, bagi tamadun Barat pula peperangan yang dilancarkan adalah bermatlamatkan untuk meluaskan kuasa atau empayar, meningkatkan status kemegahan, mengaut keuntungan atau sumber ekonomi dan sebagainya.

Kesimpulan[2 markah]

Peperangan dalam Islam bukan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan di dunia tetapi lebih mementingkan persoalan akhirat. Oleh itu setiap individu Islam berlumba-lumba ke medan perang untuk mati sebagai syuhada yang dijanjikan syurga oleh Allah SWT sedangkan bagi tamadun Barat pula peperangan hanyalah instrument untuk meneruskan kekuasaan agar dihormati oleh bangsa lain. Justeru itu pada hari ini masyarakat Barat khususnya berlumba-lumba memerangi negara-negara lain agar kuasa mereka tidak terganggu.

Bahagian B

9. Huraikan pelbagai masyarakat yang terdapat pada Zaman Bani Umayyah

A. Pendahuluan

- Kerajaan bani Umayyah memerintah selepas zaman khulafa' al-Rasyidin. Nama Bani Umayyah
- Bersempena dengan nama pemimpin Quraisy terkenal pada zaman Jahiliyah iaitu Umayyah bin Abd.Syam bin Abd.Manaf.
- Perlantikan Saidina Uthman bin Affan merupakan permulaan pengasasan kerajaan Bani Umayyah. Pemecatan membawa kepada perang Siffin seterusnya ditamatkan dengan Majlis Tahkim, yang membuka ruang kepada Bani Umayyah memerintah Negara Islam.
- Zaman pemerintahan bani Umayyah boleh dibahagikan kepada Zaman Kelahiran, Zaman Kemakmuran/Pembangunan dan Zaman kehancuran.

B. Isi [7 isi x 3 markah= 21 markah]

a. Golongan pemerintah.

- Golongan ilmu terdiri daripada khalifah dan pembesar-pembesar Arab berbeza dengan pemerintahan khulafa' al-Rasyidin, kerajaan Bani Umayyah menggunakan
- Sistem pewarisan dalam perlantikan khalifah-khalifah baru. jawatan khalifah telah menjadi hak milik keturunan Umayyah dari keluarga Abu Sufyan dan Marwan. Amalan ini telah melahirkan masyarakat pemerintah.
- sanak saudara dan kaum kerabat, keturunan Umayyah pula menjadi kelompok Bangsawan dan mempunyai beberapa kelebihan sosial dan politik.

b. Golongan Mawali

Hamba yang telah memeluk Islam. dianggap sebagai masyarakat kelas kedua. Namun begitu ada beberapa orang golongan Mawali berjaya menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan bani Umayyah seperti maymun bin Mihran (Pengaruh Jabatan Cukai di Mesopotamia) hanya layak bekerja sebagai buruh kasar dan petani. tidak dibenarkan berkahwin dengan orang Arab. Tidak boleh solat jemaah dengan orang Arab.

a. Golongan Zimmi

Golongan bukan Islam yang tinggal di Negara Islam dan hidup aman damai seperti golongan Islam yang lain. Kerajaan tidak menjalankan dasar paksaan dalam agama. Golongan ini juga menikmati hak-hak kerakyatan umat Islam yang lain. Mereka tidak perlu membayar zakat tetapi perlu membayar jizyah.

b. Golongan Hamba

Perubahan taraf sosial dan corak kehidupan keluarga bangsawan dan pemerintah Umayyah yang hidup mewah telah menyebabkan mereka memerlukan ramai hamba. golongan hamba ini terdiri daripada pelbagai bangsa seperti orang Afrika, Monggol dan Goth dari Eropah.

c. Golongan Azariqah

Berpusat di Iraq mempunyai kepercayaan agama yang berbeza. Bagi mereka orang Islam yang melakukan dosa besar seperti berzina dianggap kafir dan kekal dalam neraka. Mereka juga telah mengkafirkan Saidina Uthman, Ali dan sesiapa yang menyertai perang Jamal/P. Siffin. Mereka menganggap pemerintah yang zalim seperti Kerajaan Umayyah perlu ditentang.

d. Golongan Najdiyah

Mereka berpusat di Yamamah juga berjuang untuk menjatuhkan bani Umayyah. Mereka berpendapat orang yang menyokong pihak lain akan melakukan dosa besar, tidak boleh dihukum kafir tetapi hanya bertaraf munafik. Golongan ini tidak mewajibkan adanya khalifah, asalkan komuniti mematuhi ajaran Al-Quran. Banyak terbabit dalam bidang politik dan tentera daripada bidang agama.

e. Kaum Syiah

Ingin menuntut bela atas pembunuhan Hussain putera kepada Saidina Ali di Karbala. Mereka ingin menebus dosa kerana tidak menjaga keselamatan Hussain sehingga dibunuh oleh tentera Bani Umayyah.

C. Kesimpulan[1 markah]

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

10. Nilai-punca-punca penentangan orang Quraisy terhadap dakwah Rasulullah s.a.w dan huraikan bagaimana Rasulullah s.a.w menanganinya.

Pengenalan [3 Markah]

- a. Rasulullah s.a.w menerima wahyu ketika berusia 40 tahun pada tahun 610 M, bermakna bermulalah kehidupan baru bagi masyarakat Arab Quraisy Makkah yang selama ini hidup dalam kejahilan sama ada dalam bidang politik, ekonomi, sosial apatah lagi dalam bidang agama dan akhlak.
- b. Usaha dakwah yang dijalankan oleh Rasulullah s.a.w dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat sulit dan secara terang-terangan
- c. Diperingkat terang-terangan inilah bermulanya tentangan hebat di kalangan orang-orang Quraisy bukan sahaja kepada Rasulullah s.a.w tetapi juga kepada penganut-penganut agama Islam sama ada melalui perbuatan, perkataan sehinggalah perencanaan untuk membunuh baginda

B. ISI-ISI PENTING [20M]

Faktor-faktor Penentangan [10 markah]

- a. Dari segi agama ajaran Islam yang menekankan akidah tauhid, bertentangan dengan agama serta kepercayaan masyarakat Quraisy yang berbilang Tuhan khasnya penyembahan berhala. Di sekeliling Kaabah umpamanya terdapat lebih kurang 360 buah patung berhala yang pelbagai saiz dan bentuk
- b. Punca penentangan golongan ini ialah kerana mereka takutkan pembalasan di hari akhirat kelak berikutan kehidupan mereka dipenuhi dengan dosa dan segala perbuatan mungkar
- c. Dari aspek sosial timbulnya penentangan kerana Rasulullah membawa ajaran yang menekankan konsep persamaan taraf. Bertentangan dengan sistem feodal yang diamalkan masyarakat Quraisy Makkah. Hal ini bertentangan dengan orang Quraisy yang memandang tinggi terhadap golongan kaya dan keperkasaan.
- d. Masyarakat Quraisy juga terikat dengan semangat assabiyah yang meletakkan sentimen hanya kepada kaum mereka sendiri dan sekaligus menolak konsep persaudaraan.
- e. Kegiatan sosial mereka mementingkan keseronokan duniawi seperti berzina, membunuh, berjudi akan tersekat seandainya mereka menerima Islam.
- f. Masyarakat Quraisy terlalu menuruti segala amalan tradisi nenek moyang dan ini menyebabkan mereka sentiasa mengagungkan tradisi lama dan menentang segala pembaharuan.
- g. Memandangkan Nabi berasal dari keturunan Bani Hashim, golongan bani lain beranggapan kehadiran Nabi akan menyebabkan golongan bani Hashim akan berkuasa dan berpengaruh kembali yang akan merosakkan pengaruh bani lain khususnya Bani Umayyah sedang menerajui Kota Makkah.

- h. Dari sudut ekonomi kedatangan Islam pastinya pada anggapan Quraisy kota Makkah tidak lagi dikunjungi tetamu-tetamu asing yang secara tidak langsung akan menjejaskan peranan kota Makkah sebagai pusat keagamaan, kebudayaan dan perdagangan.
- i. Pengukir patung berhala juga akan kehilangan sumber rezeki memandangkan Islam menolak penyembahan berhala.
- j. Bagi golongan peniaga Islam melarang melarang segala bentuk penindasan seperti riba, pajak gada, menipu kadar timbangan serta berjudi pastinya akan menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Langkah-langkah Mengatasi [10 markah]

- a. Menyeru golongan hartawan daripada kalangan umat Islam menebus dan memerdekakan golongan hamba yang telah menerima Islam dan di siksa seperti Bilal bin Rabah.
- b. Menyeru golongan Islam berlindung dengan orang yang berpengaruh seperti Abu Talib dan Khadijah.
- c. Menyeru umat Islam berhijrah ke Habsyah kerana dikatakan pemerintahnya Raja Najasi seorang yang adil dan berperikemanusiaan.
- d. Menyeru dakwah di luar kota Makkah misalnya di taif.
- e. Berhijrah ke Madinah setelah Nabi menerima wahyu dan ancaman bunuh ke atas Baginda.

C. Penutup [2M]

Penetapan masyarakat Quraisy di Makkah telah menyebabkan berlakunya hijrah ke Madinah yang membawa kepada pembentukan negara Islam Madinah yang berdaulat

11. Huraikan peristiwa-peristiwa penting Perang Uhud dan kesan-kesan peperangan ini terhadap masyarakat di Madinah.

Pengenalan [3 Markah]

- a. Permusuhan antara orang-orang Islam dengan Quraisy Makkah tidak berakhir selepas Rasulullah s.a.w berhijrah ke kota Madinah, sebaliknya pertembungan kedua-dua pihak semakin hebat yang mencetuskan beberapa siri peperangan seperti Perang Badar, Perang Uhud dan Perang Ahzab.
- b. Perang Uhud merupakan perang kedua yang berlaku dalam sejarah Islam. Perang ini meletus pada tahun ke-3 Hijrah. Dinamakan Uhud kerana berlaku di sekitar kawasan Bukit Uhud. Peperangan ini melibatkan tentera Islam yang dipimpin oleh Rasulullah dengan tentera Quraisy di bawah pimpinan Abu Sufian.
- c. Terdapat beberapa faktor yang mencetuskan peperangan ini, antaranya ialah hasrat Quraisy menebus kekecewaan dalam Perang Badar, penentangan yang tidak pernah padam di kalangan pemimpin Quraisy, kebimbangan kafilah dagang akan terancam dan hasutan golongan Yahudi Bani Nadhir.

B. ISI-ISI: [5 isi x 2 markah = 10 markah (peristiwa Perang Uhud)]
[5 isi x 2 markah = 10 markah (kesan-kesan Perang Uhud)]

Peristiwa-peristiwa penting Perang Uhud.

- a. Rasulullah s.a.w mendengar berita dari bapa saudaranya Abbas tentang tentera Quraisy yang berjumlah kira-kira 4000 orang di bawah pimpinan Abu Sufyan telah bertolak dari Makkah untuk memerangi tentera Islam. Mereka bertolak dari kota Makkah pada 25 Ramadhan tahun 3 Hijrah dan sampai di Uhud pada 5 Syawal tahun yang sama.
- b. Rasulullah s.a.w telah bermesyuarat dan hasil daripada mesyuarat tersebut ialah satu pihak mahukan tentera Islam keluar dari Kota Madinah, manakala satu pihak lagi mahukan tentera Islam bertahan di Kota Madinah. Walaupun Rasulullah s.a.w menyukai cadangan kedua, namun baginda menerima cadangan pertama kerana mengikut suara majoriti.
- c. Sebelum peperangan bermula, lebih kurang 300 tentera di bawah pimpinan Abdullah bin Ubay yang tidak berpuas hati dengan keputusan Rasulullah tidak menerima pandangan mereka untuk bertahan di Madinah, telah keluar daripada barisan tentera Islam. Sikap

mereka jelas menunjukkan bahawa mereka tidak ikhlas dalam perjuangan menegakkan Islam.

- d. Walau bagaimanapun Rasulullah s.a.w meneruskan usaha menangkis serangan tersebut dengan meletakkan lebih kurang 50 orang pasukan pemanah di atas Bukit Uhud, diketuai oleh Abdullah bin Jubair. Strategi ini berjaya memerangkap tentera Quraisy.
- e. Kesannya, tentera Islam hampir memperoleh kemenangan. Namun kerana tamakkan harta rampasan perang, tentera pemanah meninggalkan posisi mereka. Ini telah menyebabkan kepincangan benteng pertahanan tentera Islam.
- f. Kesempatan itu telah digunakan oleh Khalid bin Al-Walid untuk menyerang balas tentera Islam yang berada dalam keadaan tidak bersedia. Tentera Islam akhirnya tewas, 70 orang tentera Islam telah syahid termasuk Saidina Hamzah dan Rasulullah s.a.w sendiri mengalami kecederaan.

Kesan-kesan Perang Uhud

- a. Memberi pengajaran bahawa tentera Islam perlu mentaati strategi yang ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w serta dilarang mengingkari arahan ketua di medan peperangan.
- b. Kaum Quraisy mula yakin dengan kekuatan mereka dan percaya kekuatan tentera Islam mula rapuh.
- c. Kabilah-kabilah Arab mula memandang rendah dan serong terhadap umat Islam.
- d. Perang Uhud telah menimbulkan krisis keyakinan di kalangan umat Islam yang tipis imannya.
- e. Perang Uhud menyebabkan umat Islam lebih berhati-hati ketika berhadapan atau berurusan dengan orang munafik. Selain itu memberi gambaran mengenai sifat-sifat dan bahaya yang ditimbulkan oleh golongan munafik.
- f. Rasulullah s.a.w telah bertindak menghalau Yahudi Bani Nadir dari kota Madinah kerana mengkhianati Sahifah Madinah dan usaha mereka untuk membunuh Nabi.
- g. Perang Uhud membuktikan kaum Quraisy sentiasa berazam untuk menghancurkan Islam.

C. Penutup [2 Markah]

Kemenangan pihak musuh mencetuskan keyakinan musuh Islam untuk mencabar umat Islam. Kesannya berlaku Perang Khandak pada tahun 5H. Orang Quraisy telah ditewaskan kerana kegigihan serta kebijaksanaan Rasulullah s.a.w.

12. Jelaskan tentang jenis-jenis zakat yang terdapat dalam sistem ekonomi Islam. Bincangkan pelaksanaan zakat pada zaman Bani Abbasiyah.

A. Pengenalan [3 Markah]

1. Berasal dari kata dasar zaka, yang bermaksud kesucian, kebersihan, keberkatan, dan kepujian daripada sifat-sifat mazmumah seperti bakhil dan tamak.
2. Syarak pula telah mengislahkan zakat sebagai sebahagian harta yang dikeluarkan untuk diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya.
3. Kefardhuan zakat secara ijbari atau kuat kuasa di antara bulan Syaaban hingga bulan Syawal. Mulai tahun itu, keengganan membayar zakat boleh membawa hukuman bunuh atau dipaksa membayarnya oleh pemerintah.

B. ISI-ISI [7 isi x 2 markah = 14 markah (Maksimum 10 Markah)]

Jenis-jenis Zakat.

1. Zakat Fitrah

- Orang Islam diwajibkan mengeluarkannya setiap tahun.
- Pengeluaran zakat bermula dari 1 Ramadhan hingga hari pertamabulan Syawal yakni sebelum solat sunat Hari Raya Aidil Fitri.
- Mengikut Mazhab Syafie, zakat fitrah perlu dikeluarkan sebanyak segantang daripada makanan yang mengenyangkan atau makanan asasi penduduk sesebuah negara seperti beras, gandum, barli dan seumpamanya.
- Imam Abu Hanifah dan Mazhab Hanafi pula mengharuskan zakat fitrah dikeluarkan dengan mata wang mengikut kadar atau nilai harga bahan makanan asasi tersebut.

2. Zakat Harta

- Zakat yang dikeluarkan oleh mereka yang mempunyai harta tertentu dengan kadar yang telah ditetapkan oleh syarak.
- Harta yang diwajibkan zakat terdiri daripada harta yang penting dalam ekonomi seperti hasil tanaman, binatang ternakan, emas, dan perak serta barang-barang perniagaan.

3. Zakat Pertanian

- Zakat untuk buah-buahan dan biji-bijian wajib dikeluarkan.
- 5 ausuq (500 liter) secara timbangan merupakan kadar zakat pertanian yang perlu dikeluarkan.
- 1/10 (jika menggunakan air hujan) dan 1/20 (jika disiram sendiri) merupakan kadar yang perlu dikeluarkan bagi zakat tanaman.

4. **Zakat Binatang Ternakan**

- Setiap binatang ternakan perlu dikeluarkan zakat.
- Khalifah Umar al-Khattab pernah mengenakan zakat ke atas kuda kerana haiwan ini boleh diperniagakan.
- Syarat-syarat: Cukup hisab, tidak digunakan sebagai barangan modal, dan membiak sendiri.

5. **Zakat Saham / Pendapatan**

- Harta saham yang dikeluarkan dalam syarikat-syarikat perniagaan atau badan-badan pelaburan.
- 2.5% atau nilai terendah semua saham yang dimiliki dalam masa setahun setelah ditolak pinjaman membeli saham merupakan pengiraan zakat ini.
- Zakat pendapatan atau zakat gaji. Syarat wajib ialah: Islam, Merdeka, Sempurna milik, Hasil usaha yang baik, Cukup nisab, dan Cukup haul.

6. **Zakat Perniagaan**

- 2.5% adalah kadar wajib zakat yang perlu dikeluarkan.
- Syarat-syarat: Islam, Merdeka, Sempurna milik, Rezeki yang halal, Cukup haul, dan Cukup nisab (85 gram harga emas semasa)

7. **Zakat Wang Simpanan**

- Zakat daripada wang yang disimpan di dalam bank dalam bentuk akaun simpanan, akaun tetap atau akaun semasa.
- Wang simpanan dicampur wang ditangan apabila cukup nisab dan hari.
- Nilai zakat 2.5% daripada jumlah simpanan.
- Syarat-syarat: Islam, Merdeka, Sempurna milik, Cukup haul, dan Cukup nisab.

Perlaksanaan Zakat Zaman Bani Abbasiyah [5 isi x 2 markah=10 Markah]

- Perlaksanaan zakat pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah merupakan kesinambungan ajaran yang diamalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w dan para khalifah pada zaman Khulafah al-Rasyidin dan Bani Umayyah.
- Zakat pada zaman Bani Abbasiyah terbahagi kepada dua, iaitu zakat fitrah dan zakat harta.
- Sumber zakat ini akan diagihkan kepada lapan golongan asnaf sebagaimana zaman-zaman sebelumnya, iaitu golongan fakir, miskin, amil, orang mualaf, orang yang berhutang, orang yang berjihad, dan musafir serta hamba yang ingin memerdekakan dirinya.
- Bagi menguruskan perlaksanaan zakat, kadi yang pakar dalam bidang syariah telah dilantik terus oleh kerajaan pusat. Contohnya, pada zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid, beliau telah mendapatkan nasihat daripada Abu Yusuf yang telah dilantik sebagai Ketua Kadi.
- Sesuai dengan perkembangan aliran pemikiran pada zaman Abbasiyah, kelahiran pelbagai mazhab turut membawa kepada pelbagai tafsiran tentang zakat sekaligus mempengaruhi urusan pentadbiran dan perlaksanaannya.
- Perlaksanaan zakat pada zaman Bani Abbasiyah juga secara tidak langsung telah membawa kepada perkembangan intelektual yang pesat pada zaman ini.
- Pelajar atau golongan cerdik pandai yang memperoleh zakat telah memanfaatkannya sebaik yang mungkin seterusnya membawa kepada kemasyhuran kota Baghdad sebagai pusat keilmuan pada zaman-zaman pemerintahan seperti Khalifah Harun al-Rasyid dan puteranya, al-Ma'mun.

C. Penutup [2 Markah]

1. Zakat merupakan bukti seseorang itu beriman kepada Allah s.w.t dan mempunyai rasa belas kasihan ke atas orang yang memerlukannya.
2. Dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan sesama Islam serta mengurangkan jurang antara golongan kaya dengan golongan miskin.
3. Pemerintah atau kerajaan pula dilihat dapat menunaikan tanggungjawab sosial yang amat diharapkan oleh golongan tidak bernasib baik dengan adanya pelaksanaan zakat.

13. Huraikan Institusi pendidikan Islam di Alam Melayu

A. Pendahuluan [3 Markah]

- Pendidikan melibatkan proses sepanjang hayat iaitu bermula dari dalam buaian sehingga ke liang lahad. Pendidikan dalam Islam memberikan kebebasan kepada semua orang untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira jantina, kekayaan dan warna kulit.
- Alam Melayu pada tahap awal penerimaan Islam masih terikat dengan asas pendidikan tidak formal yang berasas kepada pola kehidupan tradisional. Permulaan pendidikan melibatkan pembelajaran al-Quran dan juga hukum-hakam agama
- Perkembangan pendidikan ini turut dimainkan oleh beberapa kerajaan Islam di alam Melayu seperti Pasai, Aceh dan Melaka

B. Isi-isi Penting [20M]

Sistem Pendidikan Tidak Formal [3 isi x 2= 6] Max 5M

- Pendidikan awal di alam Melayu berbentuk tidak formal, ilmu diturunkan melalui proses pengalaman melalui kerja-kerja pertukangan dan pertanian.
- Anak lelaki akan belajar dengan cara mengikut orang tua dan ilmu yang dipelajari secara tidak langsung.
- Anak perempuan pula di asuh dengan kerja-kerja berasaskan pembentukan peribadi, bersopan, lemah lembut dan persediaan untuk menjadi seorang suri rumah dan ibu. Mereka di asuhkan dengan pendidikan memasak, mengemas rumah dan kerja-kerja kraf tangan

Sistem Pendidikan Islam Secara Formal [5 isi X 3]

1. Masjid

- Masjid merupakan institusi utama bagi masyarakat Melayu bagi mendapatkan ilmu pengetahuan, khususnya asas-asas ajaran Islam selain tempat beribadat. Institusi ini terbuka kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kelas. Proses pembelajaran berlaku secara tidak formal
- Catatan Ibnu Battutah menjelaskan masjid di Pasai berperanan sebagai tempat pengajian pelbagai ilmu dan Sultan Pasai sendiri datang ke masjid untuk mendalami ilmu agama

2. Pengajian di Istana

- Merupakan institusi terawal di Alam Melayu. Walau bagaimanapun institusi ini hanya terbuka kepada kelas bangsawan khususnya anak-anak raja. Pembelajaran berlaku secara formal dan tidak formal. Ilmu yang dipelajari seperti ilmu agama dan ilmu pemerintahan

- Sultan Alauddin Riayat Shah, Sultan Melaka pernah menjadikan istana Melaka sebagai pusat pendidikan bukan saja kepada kerabat raja tetapi juga kepada wakil di jajahan takluknya untuk memperelajari agama di istana Melaka
- Sebagai pusat penterjemahan contohnya kitab Darul Mazlum yang dibawa oleh Maulana Abu Bakar dari Jeddah ke Pasai untuk diterjemahkan

3. Sistem Sekolah Pondok

- Institusi pendidikan tertua di Asia Tenggara, sekolah pondok terawal di Alam Melayu di Aceh. Kebiasaannya terletak di kawasan pedalaman bagi mengelakkan berlakunya pengaruh negatif.
- Pelajar diajar dengan ilmu agama secara intensif dan menghafal al-Quran selama beberapa tahun. Lulusan sekolah pondok akan menjadi pendakwah Islam dan apabila kembali ke kampung masing-masing akan bertindak sebagai guru
- Di alam Melayu sekolah pondok dikenali dengan beberapa nama seperti di Tanah Melayu dan di Selatan Thai dikenali dengan pondok, di Minangkabau dikenali sebagai surau, di Jawa sebagai pesantren, di Sulawesi dikenali sebagai pengajian, di Aceh dan Pasai dikenali sebagai dayah

4. Sistem Pendidikan Madrasah

- Perkembangan sistem pendidikan Islam di alam Melayu berkembang dengan wujudnya madrasah
- Pelajar masih dikekalkan dengan sistem pelajaran agama dan teras pendidikan adalah sebagai asas sebelum pelajar melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah
- Terdapat beberapa madrasah terawal seperti madrasah al-Masriyyah di Bukit Mertajam, Madrasah Iqbal di Singapura, Madrasah al-Ahmadiyah di Riau

5. Rumah Ulama

- Ulama turut menjadikan rumah mereka sebagai tempat menyampaikan pengajaran agama. Hal ini terbukti dalam Sejarah Melayu apabila Sultan Mahmud Syah telah mendatangi rumah Maulana Yusuf untuk memperelajari agama

C. Penutup [2M]

Sistem pendidikan awal Islam di Alam Melayu berkembang mengikut masa. Tahap awal pendidikan lebih bersifat tidak formal dengan pendidikan dengan pendidikan lebih didasarkan kepada pengalaman. Pendidikan Islam di Alam Melayu berkembang dengan kesedaran terhadap pentingnya penghayatan terhadap ajaran Islam sehingga wujud sistem pendidikan Islam berteraskan kepada sistem pondok, sistem madrasah, Istana dan masjid yang berperanan sebagai pusat pengajian

14. Ibnu Taimiyah tokoh reformasi Islam yang terkemuka. Nilai faktor utama kemunculan dan perjuangannya pada abad ke-8H

A. Pendahuluan [3M]

Nama sebenar Ibnu Taimiyah ialah Taqi- al Din Ahmad bin Taimiyah. Beliau di lahirkan di Harran pada 10 Rabiulawal 661 Hijrah. Beliau mendapat pendidikan awal di Madrasah Sulkariyah yang dibuka bapanya. Ketika berumur 22 tahun beliau telah mengambil alih tugas bapanya di madrasah tersebut. Pada tahun 695 hijrah beliau bertugas sebagai guru di Madrasah hanbali Damsyik. Beliau pernah terlibat dengan ekspedisi ketenteraan misalnya menyertai tentera Mameluk menentang kaum Syiah dan menentang tentera Mongol pada tahun 720 hijrah. Dua tahun kemudian beliau menyertai ekspedisi ketenteraan menentang kaum Syiah di Kasrawan.

B. Isi [20M]

1. Faktor utama [3 isi X 2= 6] Max 5 M

- a. Serangan tentera Mongol di Timur dan Perang Salib di sebelah Barat menyebabkan Ketamadunan Islam Baghdad dan Andalus jatuh ke tangan musuh. Ini bukan saja memberi kesan dari segi politik dan ekonomi tetapi juga kesan psikologi dan pemikiran.
- b. Muncul mazhab-mazhab dalam aliran Ahli Sunnah Waljamaah telah melahirkan golongan yang taasub kepada mazhab. Keadaan ini telah membawa kepada zaman taklid secara membuta tuli dan memperlihatkan ketandusan dan kebekuan ilmu pengetahuan dan pemikiran
- c. Kemunduran umat Islam berpunca dari sikap umat Islam yang mula alpa dengan ajaran al-Quran dan Hadith. hal ini berpunca dari kemewahan dan sikap pemerintahan yang menzalimi rakyat. Akibat daripada ini lah muncul tokoh reformis seperti Ibnu Taimiyah dan Ibnu Khaldun untuk membetulkan keadaan.

2. Perjuangan Ibnu Taimiyah [5 isi X 3 M = 15]

- a. Mengecam amalan bidaah seperti menziarahi kubur-kubur keramat, pemujaan terhadap golongan wali dan membayar niat di kubur-kubur berkenaan. Tindakan beliau telah mengundang penentangan tokoh-tokoh tasawuf Mesir seperti Ibn 'Ata'ullah dan karim al-Din al-Amuli serta dipenjara beberapa kali
- b. Pembersihan pengaruh pemikiran Yahudi dalam ilmu kalam dengan membentasi unsur syirik. Beliau mengecam golongan Wujudiyah yang mengemukakan teori tuhan dan alam termasuk manusia merupakan satu. Ibnu Taimiyah menyatakan konsep wujudiyah bercanggah dengan tauhid. Walaubagaimana pun beliau tetap menyanjung dan

mengagumi tasawuf akhlak dan tokoh-tokoh seperti Imam al-Ghazali, Junayd al-baghdadi dan Zun al-Nun al-Misri

- c. Hasilkan beberapa karya seperti kitab al-sarim al-Maslul ‘ala Shatim al-Rasul, kitab al-Siyasah al-Shariyah, Fatwah Misriyah dan Majmu at Fatwa Sheikh al-Islam Ahmad Ibn Taimiyah. Semua kitab dan karangan yang dihasilkan oleh beliau telah disenaraikan dalam Asma Muallafat Ibn Taimiyah oleh Ibn al-Qayyim
- d. Akibat kritikan dan bidaan terhadap golongan tasawuf beliau telah di bawa ke pengadilan oleh sekumpulan ulama dengan alasan beliau menyebarkan akidah yang bertentangan dengan ahli Sunnah namun beliau tidak hadir.
- e. Tindakan seterusnya ialah beliau telah dipenjara buat kali kelima pada tahun 726 hijrah dan akibat penyiksaan yang diterima beliau telah meninggal dunia di dalam penjara pada 728 hijrah ketika berusia 67 tahun.
- f. Perjuangan beliau diteruskan oleh dua anak murid beliau iaitu Ibnu al-Qayyim dan Muhammad Abdul Wahab. Namun begitu perjuangan mereka mengalami jalan buntu kerana pada masa itu dunia Islam telah dikuasai oleh ulama konservatif yang mengamalkan tasawuf tarekat yang dikenali sebagai popular sufisme.
- g. Idea dan perjuangan beliau telah mempengaruhi golongan reformis dan tokoh-tokoh Islam lain termasuk di Mesir dan Tanah Melayu antaranya perjuangan Rashid Reda dan Muhammad Abduh yang mahukan umat Islam kembali kepada ajaran Islam sebenar sekali gus meninggalkan amalan kurafat dan bidaah yang mengongkang umat Islam.

C. Penutup [2M]

- a. Perjuangan dan kelantangan kritikan Ibnu Taimiyah menyebabkan beliau dianggap sebagai imam mujtahid dan reformasi Islam yang unggul.
- b. Kehebatan beliau diminta memberi fatwa supaya Islam dikecualikan berpuasa dalam perang

15. Bandingkan matlamat penjelajahan dan penerokaan antara tamadun Islam dan tamadun Cina.

A. Pengenalan [3M]

1. Maksud pelayaran dan penerokaan.
2. Latar belakang tamadun China, Islam dan tokoh.
3. Latar belakang tamaddun Islam dan tokoh.

B. Isi-isi jawapan [20M]

Perbezaan [2 isi X 3 =6] max 5

1. Agama.

- a. **China:** Tiada dorongan agama memperkuatkan pertahanan lemahkan musuh dan menyelamatkan sempadan Cina. Maharaja Wu Ti menghantar ekspedisi ke Farghanah untuk mencari sejenis baka kuda yang besar dan kuat untuk kegunaan pasukan tentera dan melindungi bahagian Timur dan Barat Cina daripada di serang oleh orang Hsiung –Nu
- b. **Islam:** Dorongan agama. Firman Allah Taala surah al-Jumaat ayat 9. Surah al-Haj ayat 46 bukti pentingnya penjelajahan dan penerokaan Mendalami ilmu geografi dan pelayaran seperti lahirnya al-Mas'udi, Ibnu Battutah yang telah merekod pengalaman pelayarannya tentang iklim, sungai, angin monsun dan lain-lain.

Persamaan: [5 isi X 3 markah= 15 markah]

1. Agama

- a. China : Pada tahun 399M orang Cina melakukan penerokaan ke India untuk mendalami ajaran Buddha. Mubaligh Fa xian telah merentasi gurun Taklamakan dalam perjalanannya ke India. Beliau berusaha mempelajari ajaran Buddha yang tulin dan kemudiannya kembali ke Cina melalui jalan laut. Mubaligh Xuang Zang telah mengembara ke India melalui Samarqand dan berjaya mengumpulkan buku suci Buddha untuk dibawa ke Cina.
- b. Islam : Menyebarkan dakwah Islam, Pada zaman Rasulullah s.a.w. baginda menghantar para pendakwah seperti Muaz bin Jabal ke Yaman. Pada zaman Saidina Umar bin Abdul Aziz ramai pendakwah menjelajah ke seluruh dunia untuk menyebarkan Islam. Syeikh Ismail menyebarkan Islam ke Aceh. Maulana Ibrahim ke Gerisek, Jawa.

2. Meluaskan wilayah

- a. China : Maharaja Wu Ti menghantar misi ke Yueh Chih bagi mengadakan pakatan menentang puak Hsiung Nu yang mengancam sempadan utara Cina dan misi tersebut telah berjaya. Cina

berjaya menguasai sebahagian Asia Tengah termasuk Lembah Tarim. Pada abad pertama masihi, Jeneral Pan Chao dilantik sebagai wizurai, Kashgar dan meluaskan pengaruh hingga ke sempadan Syria.

- b. Islam : Bagi memperkukuhkan politik Islam banyak penerokaan baru dilakukan oleh pemerintah Islam. Contoh kerajaan Bani Umayyah zaman Abdul Malik bin Marwan dan Walid bin Abdul Malik seluruh Afrika Utara semenanjung Siberia dan India Utara dikuasai oleh orang Islam.

3. Perdagangan

- a. China : Telah berjaya menemui laluan sutera ke Barat. Melalui jalan ini mereka telah membawa bendula sutera yang berharga ke Eropah dan membawa balik barang dagangan dari Barat seperti bulu binatang dan batu permata. Kapal-kapal dagang Cina telah sampai ke Jawa Timur dan Pulau Maluku. Semasa pemerintahan Maharaja Yung Lo, Laksamana Cheng Ho mengetuai pelayaran ke Asia Tenggara untuk memperluaskan perdagangan melalui ufti.
- b. Islam : Pada zaman khalifah Al-Walid para pedagang Islam telah mengadakan hubungan perdagangan hingga ke Cina. Pedagang Islam terkenal sebagai pedagang yang terawal menguasai jalan perdagangan laut antara barat dan Timur. Mereka telah menjalinkan hubungan perdagangan di Asia Tenggara, India dan Cina. Mereka berjaya menguasai perdagangan rempah dan sutera dari Timur.

4. Ilmu Pengetahuan

- a. China : Tokoh pelayaran China seperti I-Ching, Fahsien mengembara dengan tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan terutama berkait dengan bahasa Sanskrit, budaya dan agama. - Fa-Hsien berjaya menghasikan buku yang memberi diskripsi lengkap tentang sistem politik, ekonomi dan sosial masyarakat India. - I-Ching berjaya mengumpulkan 4,000 naskah yang ada 500,000 seloka Tripitaka dari India dan diterjemahkan dalam 230 buah buku.
- b. Islam : Bertujuan mendambakan ilmu pengetahuan. Melalui iktiviti ini orang Islam dapat mempelajari ilmu pengetahuan dan tamaddun lain seperti Itali, India dan Andalus. Kedatangan orang Islam ke Mesir menyebabkan banyak karya intelek Yunani di terjemah ke dalam bahasa Arab dan Parsi. Bidang perubatan, Astronomi, matematik Yunani dan India di pelajari serta mempengaruhi perkembangan intelektual Islam.

5. Diplomatik

- a. China : Pada abad pertama masihi orang Cina mengembara dengan tujuan misi politik. Utusan Cina sampai ke Constantinople dan mengadakan hubungan dengan Empayar Rom. Pada abad ke 15 maharaja Ming menghantar utusan diplomatik ke negara luar. Utusan Laksamana Cheng Ho berjaya menjalin an hubungan dengan kesultanan Melayu Melaka. Ini dapat meluaskan pengaruh dan kekuasaan China.
- b. Islam : Menghantar utusan untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar. Zaman nabi Muahmmad s.a.w. menngahantar utusan ke Parsi dan Habsyah. Utusan Nabi diterima dengan baik. Sultan Aceh, Sultan Alauddin Riayat Shah menghantar utusan ke Istanbul melalui Sultan Ahmad 1 sebagai balasan Sultan Turki telah mengirim bintang yang tertinggi kepada Sultan Aceh.

C. Kesimpulan [2M]

1. Aktiviti penjelajahan dan penerokaan dalam tamadun Islam telah memberikan nafas baru dalam perkembangan intelektual dan pembangunan kemasyarakatan.
2. Melalui penjelajahan umat Islam kini bukan sahaja terhad kepada bangsa Arab bahkan ia telah diterima oleh pelbagai bangsa sehingga bangsa Eropah.

16. Bandingkan ciri-ciri kesenian menurut tamadun Islam dengan tamadun Barat.

A. Pendahuluan [3M]

1. Kesenian berasal daripada perkataan Latin yang membawa maksud 'kemahiran, cara atau kaedah' (skill, way or method). Namun secara lahiriah, manusia dikatakan mempunyai kebolehan tersendiri dalam menghasilkan segala bentuk hasil tangan mereka.
2. Mengikut Herbert Read, dalam bukunya *The Meaning of Art*, seni merupakan usaha untuk mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan. Nilai-nilai indah, tidak cantik adalah bidang yang termasuk dalam seni dan nilai keindahan dalam kehidupan manusia yang kadang-kadang lebih berpengaruh dalam bidang logic.
3. Menurut Drs Sidi Gazalba menerusi buku *Pandangan Islam tentang Kesenian* menjelaskan bahawa seni adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok manusia mempunyai fitrah semulajadi dan cinta akan kesenian yang boleh memberi ketenangan kepada hati dan fikiran. Oleh itu, manusia dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta akan sesuatu yang dapat memberi kepuasan hati melalui pancaindera rasa.
4. Kesenian meliputi bidang-bidang seni seperti kesusasteraan, seni musik, seni bina, seni ukir, kaligrafi, seni lukis dan teater.

B. Isi-isi penting [4 isi X 5 = 20]

Perbezaan

1. Aspek moral dan akhlak

Islam mengkehendaki setiap seni yang diciptakan itu mempunyai nilai-nilai mulia dan akhlak yang boleh membentuk keperibadian positif manusia. Karya seni Islam dikehendaki memiliki nilai-nilai murni yang melambangkan akhlak atau berbentuk neutral iaitu bebas daripada nilai-nilai negatif. Ini bermakna agama membentuk akhlak dan akhlak membentuk seni.

Manakala Barat mementingkan aspek keindahan tanpa menekankan aspek moral dan akhlak.

2. Kepelbagaian dalam kesatuan

Kesenian Islam memberi sumbangan kepada kesatuan hidup seseorang umat Islam. Kesatuan ini berbentuk dalam bidang pekerjaan, ketika berehat atau ketika tidur. Dalam al-Quran, setiap perkataan merupakan satu unit yang penting bagi mendukung susunan dan makna ayat. Ini sama halnya dengan seseorang individu Islam yang menjadi satu unit dalam kesatuan umat. Walaupun bentuk hasil seni Islam berbeza-beza kerana perbezaan latar belakang

sejarah dan budaya, tetapi masih memperlihatkan kesatuan yang melambangkan unsur-unsur akidah dan tauhid.

Manakala tamadun Barat tidak mengambilkira kesatuan dalam penghasilan kesenian mereka. Tamadun Barat tidak mempunyai sesuatu idenditi yang mengikat dan menyatukan mereka seperti yang terdapat dalam Tamadun Islam yang menjadikan tulisan Arab sebagai pengikat dalam menyatukan umat Islam.

3. Konsep kesenian

Mengikut perspektif Islam, konsep kesenian adalah untuk membimbing manusia ke arah konsep tauhid dan pengabdian diri kepada Allah S.W.T. Seni dibentuk untuk melahirkan manusia yang benar-benar baik dan beradab. Seni juga merupakan satu proses pendidikan yang bersifat positif dan tidak lari dari batas-batas syariat.

Manakala konsep kesenian menurut tamadun Barat, hanya menekankan nilai-nilai estetika yang tinggi yang mampu memberi kepuasan, kegembiraan dan keselesaan kepada naluri manusia sahaja.

Persamaan

4. Kedua-dua Tamadun melihat kesenian sebagai sesuatu yang indah, cantik, elok dan mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi. Kedua-duanya mementingkan ciri kesenian yang boleh dirasai melalui penghayatan dan timbul hasil daripada fitrah manusia yang sukakan keindahan.

C.Kesimpulan [2M]

1. Kesenian Islam dicipta untuk tujuan pengabdian diri kepada Allah S.W.T dan mencari keredhaanNya, manakala kesenian barat adalah untuk tujuan keindahan dan kepuasan diri semata-mata. Ini bermakna, melalui kesenian Islam dapat membentuk individu yang bermoral dan seimbang daripada segi jasmani dan rohani.